

# → JENAMA

## 'Pengguna internet perlu ada etika'

→ Kesedaran penggunaan ICT secara berhemah perlu diberi perhatian

Oleh Syalikhah Sazili  
cnews@nstp.com.my

► Serdang

**K**esedaran terhadap penggunaan teknologi komunikasi maklumat (ICT) secara berhemah perlu diberi perhatian dalam dunia siber yang tiada sempadan.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr M Iqbal Saripan, berkata pengguna internet perlu ada etika supaya tindakan mereka tidak mengundang kesan negatif kepada masyarakat.

Katanya, kesedaran terhadap kepentingan penggunaan ICT perlu disertakan dengan etika kepenggunaan.

"Etika ICT perlu ditekankan. Se-

karang kita lihat penggunaannya cukup berani mengkritik, walhal di luar orangnya tampak sopan.

"Ini memberi konotasi berbeza. Justeru gunakan internet dengan berhemah," katanya ketika berucap pada majlis Pelancaran Kelab Rakan IDEC @Putra Bakti UPM, Jom Gegaria ICT UPM 2018 di sini, semalam.

Jom Gegaria ICT UPM turut men-

dapat kerjasama akhbar Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Bhd (NSTP).

Yang turut hadir, Pengarang Eksekutif BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman serta Pengarah Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), Prof Madya Dr Fatimah Sidi.

Sementara itu, Ahmad Zaini berkata penyebaran maklumat perlu

seiring dengan peredaran semasa, justeru pengguna perlu bijak meneroka dan mencari maklumat.

### Perlu bijak cari maklumat

"Pengguna perlu bijak mencari maklumat menerusi ICT, namun rujukan terhadap media rasmi seperti surat khabar contohnya akhbar kumpulan NSTP masih perlu diutamakan.



[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN /BH]

**Ahmad Zaini (dua dari kanan) bersama Fatimah, M Iqbal (kanan) serta Dekan Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM, Prof Dr Abu Bakar Md Sultan (tiga dari kiri) pada majlis Pelancaran Kelab Rakan IDEC @Putra Bakti UPM, Jom Gegaria ICT UPM 2018 di Serdang, semalam.**

"Kita memasuki revolusi 4.0 bagi memenuhi pasaran dan media sedia bekerjasama untuk membantu penyebaran maklumat menerusi pelbagai kaedah," katanya.

Sementara itu, Jom Gegaria ICT yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam di UPM turut menempatkan 80 gerai jualan dengan pelbagai aktiviti pengisian ilmu ICT.